



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 1 – 4 OKTOBER 2021

BIL. 44 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 4 Oktober 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 2,116,021** atau 92.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **142,957 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **8,075 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **2,285,640 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **8,069 kes** daripada catatan harian dengan **89.8 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **38.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (18.7 peratus), Zon Utara (16.6 peratus), Zon Selatan (15.6 peratus) dan Zon Pantai Timur (10.7 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **1,189 kes** disusuli oleh Kelantan (1,020 kes), Pulau Pinang (853 kes), Johor (781 kes), Selangor (686 kes), Sabah (677 kes), dan Terengganu (636 kes). Sejumlah **26,659 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **76 kematian terbaru** sementara **rekod tertinggi kematian** adalah **592 kes** yang dicatatkan pada 11 September 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 3 Oktober 2021 menunjukkan seramai **23,833,382** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,325,594** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,909,567. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,724,940), Sabah (2,219,620), Sarawak (2,073,666), Perak (1,699,171) dan Kedah (1,446,824). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 44.35 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - USA: Commerce Department melaporkan peningkatan perbelanjaan pembinaan awam telah diimbangi oleh penurunan perbelanjaan untuk pembinaan swasta menyebabkan **perbelanjaan pembinaan USA tidak**

berubah pada bulan Ogos. Laporan itu menunjukkan jumlah perbelanjaan yang ditahunkan (*annualized*) berjumlah USD1.584 trillion pada bulan Ogos setelah meningkat 0.3% bebanding bulan Julai. Penganalisis ekonomi menjangkakan perbelanjaan pembinaan meningkat sebanyak 0.3%. Perbelanjaan untuk pembinaan swasta turun sebanyak 0.1% kepada USD1.242 trillion pada bulan Ogos daripada USD1.244 trillion pada bulan Julai. Peningkatan 0.4% perbelanjaan pembinaan kediaman diimbangi oleh penurunan 1.0% dalam perbelanjaan pembinaan bukan kediaman. (RTT)

- USA: **Pertumbuhan sektor Pembuatan meningkat pada bulan September, namun masalah rantaian bekalan berterusan.** Institute for Supply Management melaporkan pertumbuhan aktiviti pembuatan USA berdasarkan prestasi. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) meningkat kepada 61.1 pada bulan September dari 59.9 yang dicatatkan pada bulan Ogos. Peningkatan ini melebihi jangkaan penganalisis ekonomi bahawa indeks turun ke 59.6. Pembuatan bertumbuh untuk bulan ke-16 berturut-turut, dengan permintaan, penggunaan dan input mencatat pertumbuhan bulan-ke-bulan. Laporan menunjukkan indeks pesanan baharu tidak berubah dari bulan sebelumnya pada 66.7, sementara indeks pengeluaran merosot ke 59.4 pada bulan September (RTT)
- EU: **Inflasi EU mencapai tahap tertinggi dalam 13 tahun apabila harga komoditi tenaga melambung tinggi.** Inflasi Eurozone mencecah tahap tertinggi dalam 13 tahun pada bulan September, ketika blok tersebut bergelut dengan kenaikan kos tenaga. Eurostat melaporkan Inflasi utama meningkat pada 3.4% bulan lalu. Ini adalah tahap tertinggi sejak September 2008 ketika inflasi berada pada 3.6%. Ia berlaku setelah harga pengguna Germany meningkat 4.1% pada bulan September, tahap tertinggi dalam hampir 30 tahun. Kenaikan yang didorong oleh kenaikan harga tenaga yang tinggi mendapat perhatian di kalangan pembuat dasar. Harga gas bulan hadapan di hab TTF telah meningkat hampir 400% sejak awal tahun ini. (CNBC)
- EU: **Pertumbuhan sektor Pembuatan terus mereda pada bulan September 2021.** Hasil tinjauan IHS Markit menunjukkan aktiviti pembuatan Eurozone terus mereda pada bulan September kerana kekangan dari sisi penawaran yang menurunkan pengeluaran. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) sektor Pembuatan turun kepada 58.6 pada bulan September daripada 61.4 pada Ogos. Ini adalah yang terendah sejak Februari dan di bawah 58.7. Indeks utama mencatatkan kejatuhan terbesar sejak April 2020. PMI pembuatan akhir IHS Markit / BME masuk pada paras terendah dalam lapan bulan iaitu 58.4 pada bulan September, turun dari 62.6 pada bulan Ogos 2021. PMI sektor Pembuatan akhir jatuh ke 55.0 dari 57.5 pada Ogos 2021. Peningkatan sektor pembuatan Italy kekal kukuh pada bulan September 2021. (RTT)
- JAPAN: Keyakinan pengguna tertinggi sejak Februari tahun lalu. Keyakinan pengguna Japan meningkat ke tahap tertinggi dalam

sembilan belas bulan pada bulan September. Laporan Cabinet Office menunjukkan indeks keyakinan pengguna (pelarasan bermusim) meningkat kepada 37.8 pada bulan September daripada 36.7 pada bulan Ogos. Indeks ini adalah yang tertinggi sejak Februari tahun lalu ketika berada pada tahap 38.4. Di antara empat sub-indeks indeks keyakinan pengguna, indeks untuk keseluruhan meningkat kepada 39.2 pada bulan September. Indikator yang mengukur pertumbuhan pendapatan meningkat kepada 38.1 dan pekerjaan meningkat kepada 36.1. Indeks yang menunjukkan kesediaan isi rumah untuk membeli barang pengguna tahan lama meningkat kepada 37.8. Tinjauan terbaharu ini dilakukan pada 15 September ke atas 8,400 isi rumah. (RTT)

- INDIA: **PMI pembuatan berkembang pada kadar yang lebih cepat pada bulan September 2021.** Ukuran aktiviti di seluruh sektor pembuatan India berkembang pada kadar yang lebih cepat pada bulan September daripada bulan sebelumnya. Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan IHS Markit India berada pada 53.7 pada September berbanding 52.3 pada Ogos 2021. IHS Markit menyatakan bahawa pertubuhan mendapat manfaat daripada pengukuhan permintaan di tengah pelonggaran sekatan COVID-19. (Bloomberg)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Hampir keseluruhan perniagaan di negara ini sudah **kembali beroperasi namun belum mencapai kapasiti penuh** selepas kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan secara beransur-ansur dan sektor ekonomi dibuka semula. **RAM Holdings Bhd dalam nota penyelidikan menyatakan hampir 80 peratus syarikat telah beroperasi dengan kira-kira 42 peratus** sudah memulakan semula operasi, sementara 36 peratus adalah syarikat penyedia perkhidmatan penting yang kekal beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
2. **Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC)** yakin perkembangan pemulihan negara bakal **memacu sektor pelancongan kesihatan** yang telah menjana pendapatan lebih **RM520 juta tahun ini**. Industri pelancongan kesihatan Malaysia telah **menyumbang lebih lapan peratus atau RM1.7 bilion** daripada seluruh pendapatan sektor pelancongan negara yang bernilai RM7 bilion pada 2019.
3. **Bank Muamalat menyokong usaha Bank Negara Malaysia (BNM)** dengan mewujudkan program **iTekad Mawaddah** iaitu program **keusahawanan yang bercirikan kewangan sosial** dan **konsep syariah mudharabah**. Bank Muamalat akan memilih 10 usahawan daripada golongan asnaf dan B40 dengan menyediakan modal kerja sehingga RM 10,000 dan latihan perniagaan secara percuma.
4. **Atlas Vending, pembekal mesin layan diri terbesar di Malaysia** bekerjasama dengan pelbagai jenama membabitkan **13 perusahaan kecil dan sederhana (PKS)** dari setiap negeri di Malaysia melalui kempen **Sapot SME**. Kempen Sapot SME ini adalah fasa pertama konsep Atlas Minit Mart terbaru yang akan dilancarkan bagi menawarkan rangkaian produk lebih meluas melalui mesin layan diri.
5. **Taiwan, sebagai pengeluar utama cips, telah menjadi tumpuan utama** untuk mengatasi kekurangan pengeluaran yang mana sebenarnya berpunca dari kekurangan pengeluaran dari Asia Tenggara, terutama Malaysia kerana kebanyakkan **kilang di Malaysia tutup buat sementara waktu**. Pada awal September, Malaysia telah memulakan semula pengeluaran sekaligus **memulihkan kapasiti pengeluaran, kembali ke sekitar 80%** dan ianya perlahan-lahan dapat membantu mengatasi masalah pengurangan pengeluaran cips ini.

6. **Pelaksanaan Program Subsidi Upah (PSU)** membabitkan peruntukan sebanyak RM18 bilion telah menyelamatkan 2.9 juta orang pekerja daripada kehilangan pekerjaan dan membantu lebih 300 ribu majikan daripada menutup operasi dalam tempoh pandemik.
7. **Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)** telah meluluskan kemasukan 32 ribu pekerja ladang yang antaranya terdiri daripada warga Indonesia dan Bangladesh yang telah lengkap vaksinasi untuk dibawa masuk ke Malaysia secara berperingkat mulai pertengahan Oktober 2021. Kos kemasukan pekerja akan ditanggung oleh syarikat yang mana akan mempercepatkan proses kemasukan pekerja asing berkenaan.
8. **Harga gas asli cair (LNG) Asia melonjak ke paras tertinggi** minggu ini berikutan permintaan berterusan dari **China di tengah harga gas yang tinggi di Eropah ketika musim sejuk bermula**. Pembeli China cuba mendapatkan lebih bekalan di sebalik peningkatan harga, **menawarkan harga yang lebih tinggi berbanding pasaran** disebabkan musim sejuk yang akan bermula dan kekurangan penawaran di negara itu.
9. **Penghantaran kenderaan Perodua** terus bertambah baik untuk tiga bulan berturut-turut dengan sebanyak 102.0 peratus kepada 14,160 unit pada bulan **September** daripada 6,988 unit pada bulan Ogos apabila situasi bekalan bertambah baik secara beransur-ansur. Bagi perbandingan suku kedua tahun ini dengan suku ketiga, penjualan merosot sebanyak 44.6 peratus kepada 21,803 unit antara bulan Julai dan September daripada 39,381 kenderaan yang didaftarkan antara April dan Jun tahun ini. **Rangkaian bekalan automotif** telah menunjukkan peningkatan tetapi masih belum mencapai potensi yang sepenuhnya.
10. **Kerajaan sedang mencari beberapa kaedah** untuk menyelesaikan **masalah kenaikan harga ayam**. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata ia merangkumi pemberian subsidi untuk makanan ayam dan pemberian **Soft loan** untuk penternak ayam.
11. **Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)** berharap semua Universiti Awam (UA) mematuhi arahan yang dikeluarkan pihaknya bagi mengurangkan yuran pengajian sebanyak **20 peratus bagi pelajar semester pertama** dan tidak mengenakan sebarang kenaikan yuran pengajian. Terdapat kenaikan yuran pengajian dalam aliran sastera sehingga lebih 100 peratus yang akan berkuat kuasa terhadap pelajar baharu sesi 2021/2022 berbanding tahun sebelumnya.

12. **Pakar kesihatan awam turut berpandangan sudah tiba masa untuk kerajaan memberi lebih banyak kelonggaran kepada orang ramai yang telah lengkap divaksin.** Malah, mereka turut mencadangkan supaya kelonggaran sama turut diberikan **kepada golongan antivaksin atau kumpulan individu tidak boleh divaksin** kerana alasan kesihatan secara bersyarat. Bagaimanapun, langkah berjaga-jaga dengan mengekalkan prosedur operasi standard (SOP) masih perlu diteruskan bagi mengelakkan peningkatan bilangan kes positif COVID-19.
13. **Sebanyak RM1.5 juta ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memacu kembali sektor pelancongan negeri selepas peralihan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak 24 September.**
14. **Peruncit perkakas rumah kegemaran ramai, MR D.I.Y. Group** bakal melancarkan **35 cawangan baharu di tujuh negeri bulan ini**, menjadikan jumlah keseluruhan cawangan milik kumpulan tersebut sebanyak **830 buah di seluruh negara.**

A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 3 October 2021 (Essential)	<p>Malaysia eyes international border reopening in December</p> <p>Malaysia is looking to reopen its borders to foreign travel in December, once 90% of its adult population is fully vaccinated.</p> <p>Malaysia's accelerated vaccine rollout has since allowed the government to gradually ease restrictions on movement and allow benefits for the fully inoculated.</p> <p>The rollout has put the government on course to reach its target of reopening all economic and social sectors by the final quarter of the year.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysia-eyes-international-border-reopening-december
2.	New Straits Times 3 October 2021 (Essential)	<p>47,000 students in Terengganu, Kelantan and Langkawi resume physical classes today</p> <p>First day of physical back-to school classes ran smoothly, with all students and teachers adhering to the guidelines issued by the ministry.</p> <p>Previously announced, only half of the students attend school for face-to-face learning with the remaining continuing with the teaching-and-learning at home.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/733240/47000-students-terengganu-kelantan-and-langkawi-resume-physical-classes

3.	New Straits Times 4 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>94,000 students back in schools today</p> <p>Face-to-face school session commenced today for 94,000 students in 10 states in Phase Two to Four of the National Recovery Plan.</p> <p>It involved students in Penang, Perak and Sabah which are in Phase Two; the Federal Territory of Kuala Lumpur and Putrajaya, Selangor, Melaka, Perlis, Pahang and Sarawak (Phase Three) and Negeri Sembilan and the Federal Territory of Labuan (Phase Four).</p> <p>Yesterday, face-to-face school sessions began in Terengganu, Kelantan and Langkawi after schools nationwide were closed about six months due to the COVID-19 pandemic.</p>	https://www.nst.com.my/news/nation/2021/10/733428/94000-students-back-schools-today
4.	Metro 4 Oktober 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>Johor tawar diskaun buat pelancong domestik</p> <p>Bagi memacu kembali sektor pelancongan, Kerajaan Negeri Johor menawarkan baucer bernilai RM1.5 juta selepas peralihan Fasa 2 Pelan Pemulihian Negara (PPN) sejak 24 September. Pemberian baucer dalam bentuk potongan harga khusus kepada pelancong domestik bagi produk tertentu membabitkan pelancongan Johor.</p>	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/762437/johor-tawar-diskaun-buat-pelancong-domestik
5.	Utusan Malaysia 4 Oktober 2021 <i>(non-essential)</i>	<p>AIM agih bantuan makanan kepada sahabat terkesan</p> <p>Sebanyak 1,450 sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/aim-agih-bantuan-makanan-kepada-sahabat-terkesan/

	<p>yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerima sumbangan bakul makanan asas melalui inisiatif dinamakan Bakul Kasih.</p> <p>Sumbangan bakul makanan tersebut merangkumi beras, gula, minyak masak, tepung, susu, buah, sardin dalam tin serta pelbagai makanan asas lain.</p> <p>Setakat ini, program berkenaan memberi manfaat kepada lebih 120,000 isi rumah dengan lebih 30,000 sahabat.</p>	
--	---	--

Penemuan penting & isu:

- Artikel 2 & 3 – Sesi persekolahan secara bersemuka telah mula dilaksanakan bermula 3 Oktober 2021 di negeri Terengganu, Kelantan dan Langkawi. Bagi negeri Pulau Pinang, Perak, Sabah, Lembah Klang, Melaka, Perlis, Pahang, Sarawak, Negeri Sembilan dan WP. Labuan, sesi persekolahan secara bersemuka adalah bermula pada 4 Oktober 2021.
- Artikel 4 – Sebanyak RM1.5 juta ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Johor dalam usaha memacu kembali sektor pelancongan negeri selepas peralihan Fasa 2 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak 24 September.
- Artikel 5 – Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) memberikan sumbangan melalui inisiatif Bakul Kasih kepada 1,450 sahabat yang terkesan.

Maklumbalas Bahagian:

- Penularan wabak COVID-19 yang dapat dikawal selain pelaksanaan suntikan vaksin kepada penduduk berumur 12 hingga 17 tahun merupakan salah satu faktor utama kepada pembukaan sektor pendidikan di Malaysia. Pada ST2 2021, sektor pendidikan swasta mencatatkan pertumbuhan negatif 3.7 peratus (ST1 2021: -10.6%).
- Industri pelancongan adalah antara industri yang terkesan berikutnya pelaksanaan sekatan pergerakan dalam negara bagi membendung penularan wabak COVID-19. Pada tahun 2020, KDNK Johor menguncup 4.6 peratus. Sektor Perkhidmatan yang mendominasi ekonomi Johor turun kepada negatif 3.4 peratus (2019: 6.5%) dipengaruhi oleh prestasi subsektor perdagangan borong & runcit, makanan & minuman, dan

<p>penginapan (-9.1%, 2019: 6.9%) serta subsektor kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (-3.7%, 2019: 6.2%).</p> <p>3. Bantuan yang disediakan oleh pihak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) amat dialu-alukan bagi meringankan beban golongan yang terkesan dari segi ekonomi terutamanya kelompok B40. Bantuan bakul makanan seperti ini diperlukan sehingga aktiviti ekonomi dapat beroperasi dengan kapasiti penuh dan lebih banyak peluang pekerjaan dibuka semula.</p>			
B. Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit			
1.	Kosmo 1 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	MR D.I.Y. buka 35 cawangan baharu PETALING JAYA – Peruncit perkakas rumah kegemaran ramai, MR D.I.Y. Group bakal melancarkan 35 cawangan baharu di tujuh negeri bulan ini, menjadikan jumlah keseluruhan cawangan milik kumpulan tersebut seba-nyak 830 buah di seluruh negara. Cawangan baharu itu terdiri daripada 14 cawangan MR. D.I.Y., tiga cawangan MR. D.I.Y. Express, enam cawangan MR. TOY dan 12 cawangan MR. DOLLAR.	https://www.kosmo.com.my/2021/10/1/mr-d-i-y-buka-35-cawangan-baharu/
2.	Berita Harian 1 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	EMOS kini pengedar rasmi Kawasaki di Malaysia KUALA LUMPUR: Edaran Modenas Sdn Bhd (EMOS), anak syarikat dan pengedar Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) dilantik sebagai pengedar rasmi jenama Kawasaki di Malaysia berkuatkuasa hari ini.	https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/10/871173/emos-kini-pengedar-rasmi-kawasaki-di-malaysia

		MODENAS dalam satu kenyataan, berkata pelantikan itu ini merangkumi pengedaran bagi semua rangkaian produk Kawasaki termasuk kenderaan, alat ganti, aksesori, dan maklumat khidmat pelanggan yang membabitkan perkhidmatan teknikal termasuk aktiviti 'panggilan semula' jika diperlukan.	
3.	New Straits Times 1 Oktober 2021 (Essential)	<p>Volvo's new programme offers customers lifetime parts warranty</p> <p>KUALA LUMPUR: Volvo Car Malaysia is adding a new lifetime parts warranty programme to further improve its after-sales offerings.</p> <p>The "Customer Lifetime Parts Warranty" commences on the part's purchase date and is valid as long as the car falls under the ownership of the registered car owner.</p> <p>Volvo Car Malaysia will repair and replace the part free of charge in the event that customers require repair or replacement for any genuine Volvo parts due to a material or manufacturing defect.</p>	https://www.nst.com.my/cbt/2021/10/732870/volvos-new-programme-offers-customers-lifetime-parts-warranty
4.	Bernama 3 Oktober 2021 (Non-Essential)	<p>Kerajaan teliti mekanisme bantuan modal mula perniagaan PMKS</p> <p>Kerajaan merancang untuk menyediakan bantuan modal memulakan semula perniagaan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2009871

		<p>telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata kerajaan sedang berbincang dengan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz supaya meneliti cadangan itu agar bantuan modal memulakan semula perniagaan tersebut boleh diberikan.</p>	
5.	Bernama 3 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pusat Digital Keluarga Malaysia tumpu bantu golongan B40 serta e-dagang</p> <p>Pusat internet kerajaan di kawasan bandar dan perkampungan yang dikendalikan oleh kementerian berbeza kini akan diselaras di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan dilancarkan sebagai Pusat Digital Keluarga Malaysia.</p> <p>Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pusat digital itu antara lainnya akan menumpukan aspek melatih masyarakat luar bandar, termasuk golongan B40 untuk terlibat dalam perniagaan secara dalam talian atau e-dagang yang kini menjadi budaya bagi rakyat negara ini.</p>	https://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=2009870
6.	Harian Metro 4 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>2,000 Grocer Mat menjelang 2025</p> <p>Pasar raya 100 peratus pemilikan Bumiputera, Grocer Mat menyasarkan pembukaan</p>	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/762290/200-grocer-mat-menjelang-2025/

		<p>sehingga 2,000 cawangan menjelang 2025.</p> <p>Pengasas Grocer Mat, Datuk Fathiri Fadzlah berkata, dalam mencapai sasarannya itu, beliau amat mengutamakan pengalaman pembelian dan maklum balas daripada pelanggan.</p>	
7.	Harian Metro 4 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Kempen Sapot SME sokong produk PKS</p> <p>Atlas Vending, pembekal mesin layan diri terbesar di Malaysia bekerjasama dengan pelbagai jenama membabitkan 13 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari setiap negeri di Malaysia melalui kempen Sapot SME.</p> <p>Melalui kerjasama ini, setiap PKS akan meletakkan produk kegemaran tempatan yang disahkan halal di dalam mesin Atlas Vending di Balai Perlepasan KLIA Ekspres di KL Sentral.</p>	https://www.hmetronline.my/bisnes/2021/10/762296/kempen-sapot-sme-sokong-produk-pks
8.	Harian Metro 4 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>MR DIY tawar diskauan 50% untuk 51 produk persekolahan</p> <p>MR DIY akan mengadakan kempen Kembali ke Sekolah bagi membantu ibu bapa dan pelajar mendapatkan kelengkapan persekolahan dan perlindungan diri pada harga istimewa. Melalui kempen ini yang berlangsung sepanjang Oktober, MR DIY menawarkan diskauan sehingga 50 peratus untuk 51 produk persekolahan di semua 742 cawangan MR DIY termasuk melalui laman e-dagang www.mrdiy.com.my</p>	https://www.hmetronline.my/bisnes/2021/10/762298/mr-diy-tawar-diskauan-50-untuk-51-produk-persekolah

9.	The Star 4 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Perodua car sales doubled in September to 14,160 units</p> <p>The improvement in the automotive supply situation has seen Perodua's sales in September jumping by 102% to 14,160 units from 6,988 units in August while the outlook will be better in the fourth quarter.</p> <p>Perodua president and chief executive officer, Datuk Zainal Abidin Ahmad said on Monday the automotive supply chain has shown improvements but have yet to reach their full potential.</p>	<u>https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/10/04/perodua-car-sales-doubled-in-september-to-14160-units</u>
B. Subsektor Penginapan			
10.	Berita Harian 2 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Kerajaan diharap teruskan bantuan hingga Jun 2022</p> <p>Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Terengganu berharap kerajaan dapat meneruskan beberapa inisiatif bantuan sehingga Jun 2022, ianya bagi memastikan kelangsungan industri itu mengharungi cabaran pascapandemik COVID-19. Antara subsidi yang diperlukan adalah Program Subsidi Upah, diskaun bayaran bil elektrik air dan sistem pembetungan, serta penambahbaikan sistem percuaian dalam industri pelancongan untuk membantu industri hotel di fasa pemuliharan untuk membuka semula operasi.</p>	<u>https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/10/871344/kerajaan-diharap-teruskan-bantuan-hingga-jun-2022</u>

11.	MalayMail 2 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Booked up to 40pc this weekend, Penang beach hotels getting advanced calls for year-end stays</p> <p>Beachfront hotels in Penang, especially those along Batu Ferringhi strip to the island's north, are finally getting the long awaited shot in the arm with bookings for this weekend up to 40 per cent as the federal government started peeling back movement restrictions one by one.</p> <p>According to Raj Kumar, chairman of the Penang chapter of the Malaysian Association of Hotels, some hotels have recorded between 30 and 40 per cent in bookings just from Penangites for the next two weeks. Besides, all the hotels here are now fully prepared with strict SOPs to accept guests.</p>	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/10/02/booked-up-to-40pc-this-weekend-penang-beach-hotels-getting-advanced-calls-f/2010114
12.	TheStar 4 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Hotels draw up strategies for survival</p> <p>For the hotel industry to survive, tourism needs to be restarted, with clear standard operating procedures (SOPs) and mechanisms in place. Reduction of fixed costs, restructuring of manpower and staff multi-tasking are some of the strategies for survival. These are the ideas for tourism industry which is:</p> <ul style="list-style-type: none"> -Waivers and discounts on water, hotel and beer house licences as well as for live band and Music Authors Copyright Protection. -Discounts on electricity for 2022. 	https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/10/04/hotels-draw-up-strategies-for-survival

		<p>-Only locals are to be hired for positions at all levels until 2024. To focus on the domestic and family markets, some hotels are embarking on a rebranding exercise and upgrading to cater to different markets such as the holiday-cum-work segment.</p>	
13.	MyMetro 4 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Pekan mati rindu pelancong</p> <hr/> <p>Persatuan Hotel Bajet dan Bisnes Malaysia (MyBHA) mahu kerajaan mewujudkan undang-undang untuk mengawal agensi pelancongan dalam talian ke arah memulihkan semula industri perhotelan negara. Ini kerana, penggunaan perkhidmatan dalam talian meningkat mendadak hasil usaha memulihkan industri perhotelan dan pelancongan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.</p> <p>Dengan mengawal keuntungan agensi pelancongan dalam talian yang mengenakan komisen terlalu tinggi, hotel akan dapat menawarkan harga lebih baik, sekali gus menguntungkan pengguna, jelas Timbalan Presiden MyBHA, Dr Sri Ganesh Michiel.</p> <p>Tambahan lain, pengubalan undang-undang dalam mengawal selia agensi pelancongan dalam talian akan memberikan satu konsep perniagaan yang adil</p>	https://www.hmetro.com.my/utama/2021/10/761939/pekan-mati-rindu-pelancong
	C. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi		
14.	Harian Metro 1 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Zoo Negara kembali bernafas</p> <hr/> <p>Kuala Lumpur: Sekian lama menyepi tanpa pengunjung, Zoo Negara diibaratkan seperti</p>	https://www.hmetro.com.my/mutahir/2021/10/761455/zoo-negara-

		<p>kembali 'bernafas' dengan kehadiran pengunjung hari ini.</p> <p>Timbalan Presiden Zoo Negara, Rosly @ Rahmat Ahmat Lana berkata, sambutan pada hari pertama pembukaan Zoo Negara selepas diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri amat menggalakkan.</p> <p>Menurutnya, pengunjung mula memenuhi zoo dan beratur seawal 7 pagi bagi mendapatkan tiket kemasukan.</p> <p>"Jangkaan kami pada awalnya hanya seramai 500 hingga 1,000 pengunjung. Namun, saya yakin, pengunjung yang kami terima pada hari ini melebihi angka 1,000."</p>	<u>kembali-bernafas-metrotv</u>
15.	GCR Asia 1 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Resorts World Genting reopens casino, selected facilities <p>The Resorts World Genting casino complex in Malaysia reopened on Thursday a number of facilities to the public, including the Genting Casino. That is according to a Thursday notice on the website of the venue, a property operated by Genting Malaysia Bhd.</p>	https://www.ggrasia.com/resort-world-genting-reopens-casino-selected-facilities/
16.	Utusan Malaysia 3 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	Penyokong janji patuh SOP <p>PETALING JAYA: Teruja dan gembira itulah perasaan yang dirasai seluruh penyokong pasukan Liga Malaysia (Liga M) untuk kembali menjekakkan kaki ke stadium selepas Liga Bolasepak Malaysia (MFL) mengumumkan semua</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/penyokong-janji-patuh-sop/

		penyokong akan dibenarkan memasuki stadium bermula perlawanan minggu ketiga Piala Malaysia pada 29 Oktober.	
Penemuan penting & isu:			
1. Peruncit perkakas rumah kegemaran ramai, MR D.I.Y. Group bakal melancarkan 35 cawangan baharu di tujuh negeri bulan ini, menjadikan jumlah keseluruhan cawangan milik kumpulan tersebut sebanyak 830 buah di seluruh negara.			
2. Edaran Modenas Sdn Bhd (EMOS), anak syarikat dan pengedar Motosikal Dan Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) dilantik sebagai pengedar rasmi jenama Kawasaki di Malaysia berkuatkuasa hari ini.			
3. Volvo Car Malaysia will repair and replace the part free of charge in the event that customers require repair or replacement for any genuine Volvo parts due to a material or manufacturing defect. Customers who have purchased and installed Volvo genuine parts from today onwards will be eligible to participate in the programme.			
4. Kerajaan merancang untuk menyediakan bantuan modal memulakan semula perniagaan kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang telah terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.			
5. Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata pusat digital itu akan menumpukan aspek melatih masyarakat luar bandar, termasuk golongan B40 untuk terlibat dalam perniagaan secara dalam talian atau e-dagang yang kini menjadi budaya bagi rakyat negara ini			
6. Pasar raya 100 peratus pemilikan Bumiputera, Grocer Mat menyasarkan pembukaan sehingga 2,000 cawangan menjelang 2025 secara tidak langsung akan dapat menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat dan membantu menjana ekonomi Bumiputera.			
7. Atlas Vending, pembekal mesin layan diri terbesar di Malaysia bekerjasama dengan pelbagai jenama membabitkan 13 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari setiap negeri di Malaysia melalui kempen Sapot SME. Kempen Sapot SME ini adalah fasa pertama konsep Atlas Minit Mart terbaru yang akan dilancarkan bagi menawarkan rangkaian produk lebih meluas melalui mesin layan diri			
8. MR DIY akan mengadakan kempen Kembali ke Sekolah bagi membantu ibu bapa dan pelajar mendapatkan kelengkapan persekolahan dan			

perlindungan diri pada harga istimewa sehingga 50 peratus untuk 51 produk persekolahan di semua 742 cawangan MR DIY termasuk melalui laman e-dagang

9. *Perodua car sales doubled in September to 14,160 units from 6,988 units in August while the outlook will be better in the fourth quarter.*
10. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Terengganu berharap kerajaan meneruskan inisiatif bantuan sehingga Jun 2022 antaranya Program Subsidi Upah, diskaun bayaran bil elektrik air dan sistem pembetungan, serta penambahbaikan sistem percukaian dalam industri pelancongan untuk memastikan kelangsungan industri itu mengharungi cabaran pascapandemik COVID-19.
11. Persatuan Hotel Malaysia (MAH) Pulau Pinang melaporkan beberapa hotel di tepi pantai mencatatkan antara 30 hingga 40 peratus tempahan bagi tempoh dua minggu akan datang.
12. Pembukaan Zoo Negara bermula 1 Oktober 2021 mendapat sambutan menggalakan dan lebih dari jangkaan. Jangkaan pengunjung dijangkakan akan bertambah berikutan hujung minggu.
13. Resort World Genting telah dibuka pada 30 Oktober 2021 dengan fasiliti yang terhad termasuk kasino kepada individu yang lengkap divaksin.
14. Kerajaan mengumumkan kebenaran kehadiran penonton atau penyokong ke tempat perlawanan sukan dan rekreasi di negeri Fasa 2, Fasa 3 dan Fasa 4. Penyokong Piala Malaysia akan dibenarkan memasuki stadium bermula perlawanan minggu ketiga Piala Malaysia pada 29 Oktober ini.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bantuan Kerajaan dapat membantu perusahaan kecil & sederhana (PKS) bagi subsektor Perdagangan Borong & Runcit berkembang dengan lebih baik.
2. Pelbagai inisiatif telah diambil oleh kerajaan bagi membantu industri pelancongan di negara kita antaranya pengecualian cukai pelancongan hingga 2023 dan pengecualian cukai jualan dan perkhidmatan (SST) untuk bilik serta makanan hingga Jun 2022.
3. Pengoperasian semula pusat-pusat pelancongan dan penginapan dapat memulihkan semula sektor pelancongan di negara kita.

4. Sambutan menggalakan bagi pembukaan operasi aktiviti taman zoologi bermula 1 Oktober 2021 dapat membantu operator dan pengusaha zoo dalam menjana pendapatan.
5. Pembukaan semula kasino di Resort World Genting memulihkan subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi.
6. Pengumuman kebenaran menyemarakkan kembali arena bola sepak Malaysia dengan kehadiran penonton ke stadium dan dapat memberikan impak positif kepada industri sukan Malaysia.

C.	Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Markets 01 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Asian LNG prices surge to record high this week as winter starts</p> <p>Asian liquefied natural gas (LNG) prices surged to a record high this week on sustained demand from China amid a power crunch and high gas prices in Europe as the winter season begins.</p> <p>Chinese buyers are seeking more cargoes despite record prices, bidding above market rates as the winter season starts with the country's gas inventory not full, trade sources said.</p> <p>Earlier this week, Malaysia's state energy firm Petronas said a fire broke out at its LNG complex in Bintulu but that operations were unaffected.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/asian-lng-prices-surge-record-high-week-winter-starts
2.	The Edge Markets 01 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Downturn in Malaysian manufacturing sector eases in September</p> <p>Businesses signaled that the Malaysian manufacturing sector</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/downturn-malaysian-manufacturing-sector-eases-september

		<p>continued to be disrupted by the latest wave of COVID-19 cases in September, albeit to a lesser extent than in August.</p> <p>IHS Markit said pandemic fighting measures meant that production and new orders fell sharply, though the respective rates of reduction were the softest for four months as some of these restrictions were eased.</p> <p>At the same time, controls on movement under pandemic restrictions and raw material shortages limited production capacity in the sector, and contributed the sharpest rise in backlogs on record.</p>	
3.	The Edge Markets 04 October 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Perodua sales number climbs 102% m-o-m to 14,160 in September</p> <p>Delivery of Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua) vehicles continues to improve for the third consecutive month by 102% to 14,160 units in September from 6,988 units in August as the supply situation gradually improves, Perodua said in a statement Monday.</p> <p>In comparing the second quarter of the year to the third quarter, sales plummeted by 44.6% to 21,803 units between July and September from 39,381 vehicles registered between April and June this year, as the second national lockdown began on June 1, 2021</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/perodua-sales-number-climbs-102-mom-14160%C2%A0-september

	<p>and was lifted in stages beginning Aug 16, 2021.</p> <p>The automotive supply chain has shown improvements but has yet to reach its full potential.</p>	
--	--	--

Penemuan penting & isu:

1. Harga gas asli cair (LNG) Asia melonjak ke paras tertinggi minggu ini berikutan permintaan berterusan dari China di tengah kenaikan harga gas yang tinggi di Eropah ketika musim sejuk bermula. Pembeli China cuba mendapatkan lebih bekalan di sebalik peningkatan harga, menawarkan harga yang lebih tinggi berbanding pasaran disebabkan musim sejuk yang akan bermula dan kekurangan penawaran di negara itu. Awal minggu ini, Petronas memaklumkan kebakaran berlaku di kompleks LNG di Bintulu tetapi operasi tidak terjejas.
2. Prestasi perniagaan menunjukkan bahawa sektor pembuatan Malaysia terus terganggu oleh gelombang terbaru kes COVID-19 pada bulan September, walaupun pada tahap yang lebih rendah daripada pada bulan Ogos. Langkah-langkah memerangi pandemik bermaksud bahawa pengeluaran dan pesanan baru menurun dengan drastik, walaupun kadar pengurangan masing-masing adalah yang paling rendah dalam tempoh empat bulan disebabkan oleh beberapa sekatan yang dilonggarkan. Pada masa yang sama, kawalan pergerakan dan kekurangan bahan mentah telah mengehadkan kapasiti pengeluaran di sektor ini, dan menyebabkan longgokan pesanan.
3. Penghantaran kenderaan Perodua terus bertambah baik untuk tiga bulan berturut-turut dengan sebanyak 102.0 peratus kepada 14,160 unit pada bulan September daripada 6,988 unit pada bulan Ogos apabila situasi bekalan bertambah baik secara beransur-ansur. Bagi perbandingan suku kedua tahun ini dengan suku ketiga, penjualan merosot sebanyak 44.6 peratus kepada 21,803 unit antara bulan Julai dan September daripada 39,381 kenderaan yang didaftarkan antara April dan Jun tahun ini. Rangkaian bekalan automotif telah menunjukkan peningkatan tetapi masih belum mencapai potensi yang sepenuhnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport gas asli cecair bagi Ogos 2021 adalah RM3,545.0 juta dan bertumbuh RM336.0 juta atau 10.5 peratus bulan ke bulan. Volum eksport gas asli cecair pula adalah 2,132.0 ribu tan metrik dan menyusut sebanyak 99.0 ribu tan metrik atau 4.9 peratus bulan ke bulan. Eksport gas asli cecair

ke China bagi Ogos 2021 adalah RM1,414.77 juta dan meningkat RM680.6 juta atau 92.7 peratus berbanding bulan sebelumnya.

2. Nilai eksport sektor pembuatan bagi Ogos 2021 adalah RM80,829.0 juta dan menyusut RM2,018.0 juta atau 2.4 peratus berbanding bulan sebelumnya. Sektor pembuatan merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan nilai eksport Malaysia, menyumbang 84.6 peratus. Barang elektrik dan elektronik menyumbang RM34,266.0 juta atau 42.4 peratus kepada sektor pembuatan, diikuti oleh keluaran petroleum (RM7,138.0 juta atau 8.8 peratus) dan bahan kimia & keluaran kimia (RM5,808.0 juta atau 7.2 peratus).
3. Nilai eksport motokar (sudah dipasang, baru) bagi Ogos 2021 adalah RM 6.0 juta, meningkat daripada RM0.0 juta bulan sebelumnya. Volum eksport motokar (sudah dipasang, baru) bagi Ogos 2021 pula adalah 52 unit, meningkat 51 unit atau 5100 peratus berbanding bulan sebelumnya.

D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	BH Online 01 October 2021 (non-essential)	<p>LBS kemuka tujuh cadangan Belanjawan 2022</p> <p>LBS Bina Group Bhd (LBS) mengemukakan tujuh saranan Belanjawan 2022 untuk memantapkan lagi pasaran harta tanah tempatan sejajar dengan pemuliharaan ekonomi daripada kesan pandemik COVID-19.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/hartanah/2021/10/872169/lbs-kemuka-tujuh-cadangan-belanjawan-2022

Penemuan penting & isu:

1. 7 cadangan berkenaan adalah mengekalkan pelaksanaan Kempen Pemilikan Rumah (HOC); kelonggaran syarat bagi Program Rumah Kedua Malaysia (MM2H); insentif bagi penggunaan Sistem Pembangunan Industri (IBS); pengurangan kos pematuhan; insentif bagi mengatasi kenaikan kos bahan pembinaan; pengurangan ambang minimum bagi pemilikan harta tanah warga asing dan pengecualian cukai pekerja asing di sektor pembinaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Dengan pandemik dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pasaran harta tanah dilihat agak perlahan dan menimbulkan keimbangan dalam kalangan pelabur. Mekanisme bantuan yang tepat daripada

Kerajaan dapat meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia seterusnya berupaya merancakkan semula pasaran harta tanah dan industri pembinaan. Sektor pembinaan dan harta tanah masing-masing mencatatkan pertumbuhan -8.4 peratus dan -14.7 peratus pada suku kedua 2021 berbanding suku tahun pertama 2021.

E. Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 04 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Malaysia's help needed to ease global chip shortage, Taiwan says</p> <p>Taiwan, as a major chip producer, has been front and centre of efforts to resolve the shortage, which has idled auto plants around the world. The bottleneck in fact is in Southeast Asia, especially Malaysia, because for a while the factories were all shut down.</p> <p>Now the focus is on Malaysia resuming production as soon as possible. Malaysia started to restore production capacity in early September, and now the production capacity has returned to about 80%, so if their capacity can slowly come back, this problem can be slowly dealt with. Global demand for chips from Malaysia is still outstripping supply after a surge in COVID-19 cases disrupted production at a time when car firms and makers of phones and medical equipment are ramping up their output, an industry executive said in August.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-help-needed-ease-global-chip-shortage-taiwan-says
Penemuan penting & isu: <ol style="list-style-type: none"> 1. Taiwan, sebagai pengeluar utama cips, telah menjadi tumpuan utama untuk mengatasi kekurangan pengeluaran yang mana sebenarnya berpunca dari kekurangan pengeluaran dari Asia Tenggara, terutama Malaysia kerana 			

kebanyakkan kilang di Malaysia tutup buat sementara waktu. Pada awal September, Malaysia telah memulakan semula pengeluaran sekaligus memulihkan kapasiti pengeluaran, kembali ke sekitar 80% dan ianya perlahan-lahan dapat membantu mengatasi masalah pengurangan pengeluaran cips ini.

Maklumbalas Bahagian:

- Langkah Malaysia untuk memulakan semula operasi pengeluaran akan memulihkan kapasiti pengeluaran cips di Asia Tenggara. Permintaan global untuk cips dari Malaysia adalah tinggi dan melebihi penawaran walaupun dalam situasi pandemik COVID-19. Ini kerana syarikat pengeluaran kereta dan pembuat telefon dan peralatan perubatan meningkatkan pengeluaran mereka. Kesan ini dapat dilihat pada penyusunan Statistik Imbangan Pembayaran terutamanya komponen Barang. Pada suku kedua 2021, komponen Barang mencatatkan lebih RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku sebelumnya.

F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 1 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Bina semula sektor pelancongan kesihatan</p> <p>Sektor pelancongan kesihatan Malaysia dalam proses pembinaan semula keupayaannya yang terjejas teruk akibat COVID-19 sejak tahun lalu. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC), Malaysia dapat kembali ke landasan asalnya tidak lama lagi, namun proses pemulihan akan mengambil sedikit masa untuk kembali seperti sedia kala.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/871079/bina-semula-sektor-pelancongan-kesihatan
2.	Berita Harian 1 Oktober 2021 <i>(Non-essential)</i>	<p>Hampir 80 peratus syarikat sudah mula operasi</p> <p>Hampir keseluruhan perniagaan di negara ini sudah kembali beroperasi namun belum mencapai kapasiti penuh selepas kerajaan melonggarkan sekatan</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/871135/hampir-80-peratus-syarikat-sudah-mula-operasi

		<p>pergerakan secara beransur-ansur dan sektor ekonomi dibuka semula.</p> <p>RAM Holdings Bhd melalui nota penyelidikan menyatakan hampir 80 peratus syarikat yang menyertai kaji selidiknya sudah mula beroperasi semula dengan kira-kira 42 peratus sudah memulakan semula operasi, sementara 36 peratus adalah syarikat penyedia perkhidmatan penting yang kekal beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).</p>	
3.	Berita Harian 3 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pelancongan kesihatan potensi jana pendapatan RM520 juta</p> <p>Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) yakin perkembangan pemulihan negara ketika ini bakal memacu sektor pelancongan kesihatan menjana pendapatan lebih RM520 juta tahun ini.</p> <p>Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, sasaran pendapatan tahunan itu bagaimanapun masih bergantung kepada beberapa faktor termasuk pembukaan sempadan, selain keadaan pasaran yang baik serta ketersediaan pasport vaksin.</p> <p>Industri pelancongan kesihatan Malaysia telah menyumbang lebih lapan peratus atau RM1.7 bilion daripada seluruh pendapatan sektor pelancongan negara yang bernilai RM7 bilion pada 2019.</p>	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/871814/pelancongan-kesihatan-potensi-jana-pendapatan-rm520-juta

Penemuan penting & isu:

1. Sektor pelancongan kesihatan Malaysia dalam proses pemulihan semula keupayaannya yang terjejas teruk akibat COVID-19 sejak tahun lalu. Proses pemulihan industri ini bergantung kepada pelbagai faktor seperti pemberian vaksin di peringkat domestik dan global, pembukaan sempadan antara negeri dan antarabangsa, serta keyakinan orang ramai untuk melancong semula.
2. Hampir keseluruhan perniagaan di negara ini sudah kembali beroperasi namun belum mencapai kapasiti penuh selepas kerajaan melonggarkan sekatan pergerakan secara beransur-ansur dan sektor ekonomi dibuka semula. RAM Holdings Bhd dalam nota penyelidikan menyatakan hampir 80 peratus syarikat sudah mula beroperasi semula dengan kira-kira 42 peratus sudah memulakan semula operasi, sementara 36 peratus adalah syarikat penyedia perkhidmatan penting yang kekal beroperasi ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3. Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) yakin perkembangan pemulihan negara bakal memacu sektor pelancongan kesihatan yang telah menjana pendapatan lebih RM520 juta tahun ini. Industri pelancongan kesihatan Malaysia telah menyumbang lebih lapan peratus atau RM1.7 bilion daripada seluruh pendapatan sektor pelancongan negara yang bernilai RM7 bilion pada 2019.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pembukaan semula lebih banyak sektor dan perubahan fasa bagi Pelan Pemulihan Negara (PPN) serta kelonggaran sekatan perjalanan dijangka menyokong trajektori pertumbuhan ekonomi negara. Ini akan merancakkan aktiviti perniagaan serta pengeluaran terutama industri Perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang telah mula beroperasi. Seterusnya akan memberi kesan yang positif kepada perniagaan PKS dalam meningkatkan pendapatan mereka serta mewujudkan peluang pekerjaan baharu.
2. Pembukaan aktiviti ekonomi yang meluas termasuk industri pelancongan kesihatan akan merangsang pemulihan ekonomi negara. Perkembangan positif ini bergantung kepada pelbagai faktor seperti pemberian vaksin di peringkat domestik dan global, pembukaan sempadan antara negeri dan antarabangsa, serta keyakinan orang ramai untuk melancong semula. Selain itu, akan mendorong pertumbuhan dalam industri rantaian pelancongan seperti industri penginapan, pengangkutan, makanan dan minuman. Berdasarkan Akaun Satelit Pelancongan pada tahun 2020, Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) berjumlah RM199.4 bilion menyumbang sebanyak 14.1 peratus kepada KDNK (2019: 15.9%).

G.	Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 01 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Bank Muamalat bantu usahawan asnaf, B40 Bank Muamalat Malaysia Bhd (Bank Muamalat) membantu usahawan daripada golongan asnaf dan B40 melalui program iTekad Mawaddah, program keusahawanan yang bercirikan kewangan sosial dan konsep syariah mudarabah, membabitkan 10 usahawan perintis.	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/10/761246/bank-muamalat-bantu-usahawan-asnaf-b40
2.	Selangorkini 01 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	DUN Pelabuhan Klang terima 700 kotak makanan asas sumbangan MB Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) Pelabuhan Klang menerima 700 kotak makanan asas sumbangan Pejabat Dato' Menteri Besar semalam.	https://selangorkini.my/2021/10/dun-pelabuhan-klang-terima-700-kotak-makanan-asas-sumbangan-mb/
3.	Selangorkini 01 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	7,000 pelajar dapat internet percuma Seramai 7,000 pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) menikmati data internet percuma selama setahun mulai 1 Oktober.	https://selangorkini.my/wp-content/uploads/2021/09/SelangorKini-30-Sept-6-Okt-2021.pdf
4.	Berita Harian 01 Oktober 2021 <i>(Essential)</i> Utusan Malaysia 02 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Keyakinan penumpang udara untuk melancong meningkat Sejumlah 60 peratus daripada 1,000 responden menyatakan hasrat untuk melakukan perjalanan udara melancong ke destinasi dalam negara, demikian	https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/10/871111/keyakinan-penumpang-udara-untuk-melancong-meningkat

		<p>mengikut Tinjauan Pengguna yang dijalankan oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM).</p> <p>Menurut MAVCOM, kaji selidik yang diterbitkan hari ini adalah untuk mengenalpasti harapan dan jangkaan penumpang penerbangan mengenai perjalanan udara selepas penularan wabak COVID-19.</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/60-pelancong-negara-mahu-melakukan-perjalanan-udara-domestik/
5.	Astro Awani 02 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Nelayan Platform digital kurangkan rantaian orang tengah</p> <p>Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan membangunkan platform digital khusus bagi membantu nelayan menjual ikan segar secara dalam talian.</p>	https://www.astroawani.com/video-malaysia/nelayan-platform-digital-kurangkan-rantaian-orang-tengah-1926186
6.	Utusan Harian 02 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>AIM agih bantuan makanan kepada sahabat terkesan</p> <p>Sebanyak 1,450 sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang terkesan akibat pandemik COVID-19 menerima sumbangan bakul makanan asas melalui inisiatif dinamakan Bakul Kasih.</p>	https://www.utusan.com.my/terkini/2021/10/aim-agih-bantuan-makanan-kepada-sahabat-terkesan/
7.	The Edge Market 02 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>Govt studying methods to resolve chicken price hike issue, says Nanta</p> <p>The government is looking at several methods to resolve the issue of chicken price hikes, Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi said.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/govt-studying-methods-resolve-chicken-price-hike-issue-says-nanta

		<p>He said they include extending the subsidies for chicken feed and providing soft loans for chicken breeders.</p>	
8.	Reuters 03 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>OPEC meets on output increase as oil prices rally</p> <p>OPEC and its allies meet on Monday to debate how much oil to release into the red hot market, where supply disruptions and recovering demand from the coronavirus pandemic have pushed oil above \$80 per barrel. The oil price rally to a three-year high is exacerbated by an even bigger increase in gas prices, which have spiked 300% and have come to trade close to an equivalent of \$200 per barrel due to supply shortages and low production of other fuels.</p>	https://www.reuters.com/business/energy/opec-meets-output-increase-oil-prices-rally-2021-10-03/
9.	Berita Harian 03 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	<p>KPT minta UA turunkan yuran, elak kenaikan</p> <p>Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berharap semua Universiti Awam (UA) mematuhi arahan yang dikeluarkan pihaknya bagi mengurangkan yuran pengajian sebanyak 20 peratus bagi pelajar semester pertama dan tidak mengenakan sebarang kenaikan yuran pengajian.</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/871831/kpt-minta-ua-turunkan-yuran-elak-kenaikan
<p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bank Muamalat menyokong usaha Bank Negara Malaysia (BNM) dengan mewujudkan program iTekad Mawaddah iaitu program keusahawanan yang bercirikan kewangan sosial dan konsep syariah mudarabah. Bank Muamalat akan memilih 10 usahawan daripada golongan asnaf dan B40 dengan menyediakan modal kerja sehingga RM 10,000 dan latihan 			

perniagaan secara percuma. Pelabur akan memberikan dana untuk program ini dan akan berkongsi keuntungan dengan usahawan.

2. Wakil rakyat Pelabuhan Klang melafazkan ucapan terima kasih kepada MB Selangor selepas menerima 700 kotak makanan daripada Pejabat Dato' Menteri Besar itu. Sumbangan bantuan makanan asas ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban penduduk yang terkesan dengan pandemik COVID-19. Wakil rakyat itu juga mengalakkan sumbangan daripada mana-mana badan bukan kerajaan (NGO) bagi mengelakkan daripada keluarga di Pelabuhan Klang terputus sumber makanan.
3. MB Selangor berkata Inisiatif data 15 gigabit internet percuma setiap bulan selama setahun mulai 1 Oktober untuk 7000 pelajar Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS) ini akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). Pemberian data internet percuma kepada 70,000 penduduk negeri ini akan merangkumi pelajar PTRS, peminjam Yayasan Selangor, mahasiswa Kolej Universiti Islam Selangor, Universiti Selangor, pelajar Pusat Pembangunan Kemahiran Teknikal Negeri Selangor, peniaga dalam talian bawah e-Bazar Selangor, petani dan ibu tunggal.
4. Penguatkuasaan prosedur standard operasi (SOP) COVID-19 dalam mewujudkan pengalaman perjalanan yang selamat amat diperlukan untuk meningkatkan keyakinan penumpang penerbangan.
5. Bagi mengurangkan rantaian orang tengah dalam urusan jual beli ikan segar, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan mewujudkan platform digital untuk membantu nelayan meneruskan penjualan dalam talian. Ini juga dapat membantu dalam meningkatkan pendatan isi rumah keluarga mereka.
6. Pengerusi AIM turun padang menghulurkan sumbangan berkenaan yang memberi manfaat kepada sahabat di sekitar Tasek Gelugor, Permatang Berangan, Sungai Dua dan Telok Air Tawar. Ahli Parlimen Tasek Gelugor itu menyerahkan sumbangan bakul makanan tersebut merangkumi beras, gula, minyak masak, tepung, susu, bihun, sardin dalam tin serta pelbagai makanan asas lain.
7. Kerajaan sedang mencari beberapa kaedah untuk menyelesaikan masalah kenaikan harga ayam. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata ia merangkumi pemberian subsidi untuk makanan ayam dan pemberian *Soft loan* untuk penternak ayam.

8. OPEC dan sekutunya bertemu pada hari Isnin untuk membahaskan berapa banyak minyak yang akan diedarkan ke pasaran, di mana gangguan bekalan dan pemulihan permintaan dari wabak coronavirus telah menyebabkan harga minyak melebihi \$ 80 setong.
9. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berharap semua Universiti Awam (UA) mematuhi arahan yang dikeluarkan pihaknya bagi mengurangkan yuran pengajian sebanyak 20 peratus bagi pelajar semester pertama dan tidak mengenakan sebarang kenaikan yuran pengajian. Terdapat kenaikan yuran pengajian dalam aliran sastera sehingga lebih 100 peratus yang akan berkuat kuasa terhadap pelajar baharu sesi 2021/2022 berbanding tahun sebelumnya.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Inisiatif literasi digital dan pemberian data internet percuma dijangka akan meningkatkan peratus capaian dan penggunaan internet oleh isi rumah dan individu serta akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan survei ICTHS yang akan datang.
3. Pembukaan semula perjalanan domestik bagi sektor penerbangan ini perlu mematuhi prosedur standard operasi (SOP) COVID-19 demi meningkatkan keyakinan penumpang penerbangan dan ini merupakan satu pencapaian yang baik untuk Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (IHPrP) bagi pengangkutan udara industri penerbangan. Sekiranya dengan pematuhan SOP akan memberi kesan langsung kepada harga tiket penerbangan, ianya akan memberi tekanan secara tidak langsung kepada inflasi kelas Perbelanjaan Pengangkutan awam menggunakan laluan udara.
4. Pada Ogos 2021, IHPR pengeluaran tempatan bagi Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk yang belum dikilang) meningkat 0.9 peratus. IHPR bagi Ayam turut naik 5.2 peratus dan merupakan kenaikan pertama selepas mencatatkan penurunan selama dua bulan berturut-turut. IHPR bagi komoditi ini dijangka akan berada pada paras positif bagi dua bulan seterusnya (September dan Oktober 2021).

5. Kenaikan atau kejatuhan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada prestasi IHPR pengeluaran tempatan berikutan sumbangannya yang signifikan kepada prestasi keseluruhan IHPR pengeluaran tempatan.
6. Sekiranya Universiti Awam menaikkan yuran pengajian, ianya akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Pendidikan terutamanya bagi subkumpulan Pendidikan peringkat diploma & ke atas.

H. Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)			
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Astro Awani 03 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>COVID-19: Jangkitan baharu turun kepada 9,066, jumlah pesakit sembahu 14,454</p> <p>Jumlah jangkitan baharu COVID-19 pada 03 Oktober 2021 mencatatkan penurunan di bawah 10,000 kes iaitu 9,066 kes dalam tempoh 24 jam selepas kali terakhir merekodkan angka di bawah 10,000 adalah pada 12 Julai lalu.</p> <p>Angka jangkitan baharu berkenaan menjadikan jumlah kumulatif kes COVID-19 di Malaysia kini sebanyak 2,277,565. Sementara itu, berdasarkan laporan portal COVIDNOW, sebanyak 109 kes kematian dicatatkan setakat semalam (Sabtu, 02 Oktober 2021), menjadikan jumlah kumulatif kematian di negara ini adalah 26,565.</p>	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/COVID19-jangkitan-baharu-turun-kepad-9066-jumlah-pesakit-sebahu-14454-323257
2.	Berita Harian 02 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Beri lebih kelonggaran apabila vaksinasi mencapai 90 peratus</p> <p>Ketika negara sudah menghampiri kadar 90 peratus</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/871552/beri-lebih-kelonggaran-apabila

	<p>populasi dewasa lengkap divaksinasi, pakar kesihatan awam berpandangan sudah tiba masa untuk kerajaan memberi lebih banyak kelonggaran kepada orang ramai.</p> <p>Selain perjalanan rentas negeri, mereka mengesyorkan supaya kebenaran turut diberikan bagi pembukaan majlis sosial dan kelonggaran lain, termasuk peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p>	<u>vaksinasi-mencapai-90-peratus</u>
--	---	--

Penemuan penting & isu:

1. Berdasarkan rekod pada 03 Oktober 2021, Sarawak kekal sebagai negeri yang melaporkan jangkitan harian tertinggi iaitu sebanyak 1,418 kes diikuti Selangor (1,000) dan Johor (981). Sementara Terengganu pula merekodkan sebanyak 827 kes. Dalam perkembangan sama, sejumlah 14,454 kes sembah dilaporkan hari ini, sekali gus melebihi daripada jumlah jangkitan baharu. Daripada 9,066 kes harian yang dilaporkan pada Ahad, 159 kes (1.8 peratus) adalah kategori 3, 4, dan 5, manakala 8,907 kes (98.2 peratus) lagi terdiri daripada kategori 1 dan 2. Dalam pada itu, kes kini dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) adalah 835 kes dengan 535 kes daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan. Sebanyak enam lagi kluster baharu turut dikesan, menjadi jumlah kluster aktif ialah 1,008.
2. Pakar kesihatan awam turut berpandangan sudah tiba masa untuk kerajaan memberi lebih banyak kelonggaran kepada orang ramai yang telah lengkap divaksin. Malah, mereka turut mencadangkan supaya kelonggaran sama turut diberikan kepada golongan antivaksin atau kumpulan individu tidak boleh divaksin kerana alasan kesihatan secara bersyarat. Bagaimanapun, langkah berjaga-jaga dengan mengekalkan prosedur operasi standard (SOP) masih perlu diteruskan bagi mengelakkan peningkatan bilangan kes positif COVID-19.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:
 - Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
 - Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;

- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

I.	Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Berita Harian 01 Oktober 2021 (<i>Non-Essential</i>)	<p>Kementerian Pendidikan muat naik SOP operasi sekolah</p> <p>Menjelang pembukaan sekolah secara bersemuka pada 3 Oktober, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memuat naik dokumen Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang antara lain memperincikan 14 perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi pengurusan sekolah, guru, murid dan ibu bapa.</p> <p>Dokumen 144 halaman itu dimuat naik melalui laman sesawang KPM dan boleh dicapai orang awam di https://www.moe.gov.my/muat-turun/pekeliling-dan-garis-</p>	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/10/871105/kementerian-pendidikan-muat-naik-sop-operasi-sekolah

		<p><u>panduan/4641-garis-panduan-pengurusan-dan-pengoperasian-sekolah-3-0/file</u>.</p> <p>Garis panduan tersebut turut mempertanggungjawabkan pentadbir untuk merujuk semua prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Kementerian Kesihatan (KKM), Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pendidikan (KKM) dari semasa ke semasa.</p>	
2.	Harian Metro 02 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i>	<p>Pembukaan sekolah selamat, ibu bapa tidak perlu risau</p> <p>Pembukaan semula sekolah di seluruh negara mulai 3 Oktober ini selepas ia ditutup bagi tempoh yang agak lama akan mewujudkan persekitaran yang selamat sekali gus mampu mengembalikan semangat murid. Pembukaan sekolah akan dilaksanakan secara berperingkat khususnya pelajar yang bakal menduduki peperiksaan dan ia membabitkan kelompok pelajar tertentu di negeri-negeri fasa dua dan ke atas di bawah Pelan Pemulihan Negara (PPN).</p> <p>Pembukaan semula sesi persekolahan akan menggunakan kaedah penggiliran murid secara mingguan dengan kapasiti kehadiran murid setiap minggu ditetapkan pada kadar 50 peratus daripada jumlah keseluruhan bagi mengurangkan bilangan di dalam kelas dan risiko penularan COVID-19.</p>	<u>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/761591/pembukaan-sekolah-selamat-ibu-bapa-tidak-perlu-risau</u>

Penemuan penting & isu:

1. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memuat naik dokumen Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang antara lain memperincikan 14 perkara yang perlu dilakukan dan dipatuhi pengurusan sekolah, guru, murid dan ibu bapa menjelang pembukaan sekolah secara bersemuka pada 3 Oktober 2021.
2. Pembukaan semula sekolah di seluruh negara mulai 3 Oktober ini selepas ia ditutup bagi tempoh yang agak lama akan mewujudkan persekitaran yang selamat sekali gus mampu mengembalikan semangat murid.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pengurusan sekolah, guru, murid dan ibu bapa perlu mematuhi Garis Panduan Pengurusan dan Pengoperasian Sekolah 3.0 yang dikeluarkan oleh KPM bagi memastikan sekolah berada dalam keadaan selamat untuk semua pihak terutamanya murid. Merujuk kepada My Local Stats 2019, bilangan murid sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Negeri Sembilan pada 2019 adalah masing-masing seramai 104,290 orang dan 85,310 orang.

J.	Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	Harian Metro 01 Oktober 2021 <i>(Essential)</i>	Hasil candat sotong sangat lumayan Setiap hari, nelayan di Jeti Geting, di sini mampu menaikkan antara 300 hingga 400 kilogram (kg) sotong.	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/10/761285/hasil-candat-sotong-sangat-lumayan-metrov

Penemuan penting & isu:

1. Nelayan di Jeti Geting mampu menaikkan antara 300 hingga 400 kilogram (kg) sotong setiap hari. Keadaan ini disebabkan kurangnya gangguan daripada nelayan asing yang sebelum ini sering menceroboh perairan negara dan mengaut hasil laut

Maklumbalas Bahagian:

1. Sotong merupakan antara komoditi utama perikanan marin negara. Pengeluaran sotong di Malaysia pada 2020 merekodkan sebanyak 62,582.9 tan metrik, menurun 12.6 peratus berbanding 2019. Berdasarkan kepada penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih, 2016-2020, kadar sara diri item sotong adalah menghampiri 100 peratus iaitu 96.6 peratus. Penguatkuasaan ketat menghalang pencerobohan nelayan asing ke perairan Malaysia dapat

<p>membantu meningkatkan pengeluaran perikanan marin negara pada masa hadapan; sekaligus mengurangkan kadar kebergantungan import sotong luar negara.</p>			
K.	Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)		
Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	The Edge Market 4 Oktober 2021 (Non-essential)	<p>Wage Subsidy Programme saved 2.9 million jobs, says Saravanan</p> <p>The implementation of the Wage Subsidy Programme with an allocation of RM18 billion through the Social Security Organisation (SOCSO) has successfully saved 2.9 million employees from losing their jobs and assisted over 300,000 employers to date.</p> <p>The programme is a very good approach to assist employers and employees affected by the implementation of the movement control order (MCO).</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/wage-subsidy-programme-saved-29-million-jobs-says-saravanan
2.	The Edge Market 3 Oktober 2021 (Essential)	<p>32,000 foreign plantation workers to come in to Malaysia from mid-October, says Zuraida</p> <p>The Ministry of Plantation Industries and Commodities (KPPK) has approved 32,000 foreign plantation workers from Indonesia and Bangladesh who have completed their COVID-19 vaccination to be brought into Malaysia in stages starting mid-October. Companies are also willing to bear the entry costs of workers from abroad, which would speed up the process of their arrival.</p>	https://www.theedgemarkets.com/article/32000-foreign-plantation-workers-come-midoctober-says-zuraida

3.	<p>The Edge Market 2 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>All skills training programmes to be placed under one ministry</p> <p>To ensure better coordination, the government has decided to place all upskilling and multiskilling programmes from various agencies and ministry under the Human Resource Ministry, to be managed by the Human Resource Development Corporation (HRD Corp) to avoid duplication. Training provided should also be focused, based on the situation in a particular area such as on oil and gas in Pengerang, Johor and tourism sector in Langkawi.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/all-skills-training-programmes-be-placed-under-one-ministry</p>
4.	<p>The Edge Market 1 Oktober 2021 <i>(Non-Essential)</i></p>	<p>Immigration Dept to propose new policy for issuance of PLKS for foreign workers</p> <p>The Immigration Department will propose to the government a new policy for the issuance and renewal of the temporary employment visit pass (PLKS) for foreign workers in the country.</p> <p>Based on this new policy, employers must comply with Act 446 (the Workers' Minimum Standards of Housing and Amenities [Amendment] Act 2019) by obtaining a certificate from the JTK. Employers would be considered to bring in foreign workers or renew the PLKS of existing workers with this certificate.</p>	<p>https://www.theedgemarkets.com/article/immigration-dept-propose-new-policy-issuance-plks-foreign-workers</p>

Penemuan penting & isu:

- Pelaksanaan Program Subsidi Upah (PSU) membabitkan peruntukan sebanyak RM18 bilion telah menyelamatkan 2.9 juta orang pekerja

daripada kehilangan pekerjaan dan membantu lebih 300 ribu majikan daripada menutup operasi dalam tempoh pandemik.

2. Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) telah meluluskan kemasukan 32 ribu pekerja ladang yang antaranya terdiri daripada warga Indonesia dan Bangladesh yang telah lengkap vaksinasi untuk dibawa masuk ke Malaysia secara berperingkat mulai pertengahan Oktober 2021. Kos kemasukan pekerja akan ditanggung oleh syarikat yang mana akan mempercepatkan proses kemasukan pekerja asing berkenaan.
3. Kerajaan menetapkan semua latihan peningkatan kemahiran dan kepelbagaian kemahiran diletakkan di bawah satu kementerian iaitu Kementerian Sumber Manusia yang akan dikendalikan oleh Human Resource Development Corporation (HRD Corp). Langkah ini membolehkan penyelarasan dibuat dan mengelak berlakunya pertindihan.
4. Jabatan Imigresen akan mencadangkan satu polisi baharu kepada kerajaan bagi pengeluaran dan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) untuk pekerja asing, yang mana majikan perlu memenuhi Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990) (Pindaan 2019) dengan cara mendapatkan sijil perakuan daripada Jabatan Tenaga Kerja (JTK). Majikan akan dipertimbangkan untuk membawa masuk pekerja asing atau memperbaharui PLKS pekerja sedia ada dengan sijil perakuan berkenaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Sorotan Pasaran Buruh ST2 2021, situasi pasaran buruh Malaysia pada ST2 2021 bertambah baik berbanding suku yang sama pada tahun sebelumnya iaitu semasa impak COVID-19 pertama kali dirasai di negara ini. Namun, keadaan COVID-19 yang berlarutan dan tidak menentu telah mendorong kepada keperluan untuk pelaksanaan langkah kawalan yang bersesuaian. Kebanyakan daripada langkah yang bertujuan untuk melindungi kesihatan awam telah menyebabkan sekatan aktiviti sosial dan ekonomi berterusan sehingga sekarang. Oleh kerana cabaran berikutnya prosedur yang lebih ketat pada ST2 2021 berbanding fasa pemulihan pada ST1 2021, momentum pemulihan pasaran buruh dari suku sebelumnya tidak berterusan. Bilangan tenaga buruh menurun susulan pengurangan marginal bilangan guna tenaga dan pengangguran. Kadar pengangguran kekal selama tiga suku berturut-turut dan masih belum menunjukkan tanda-tanda penurunan ke tahap pra-pandemik. Jumlah jam bekerja terus menurun setelah pengurangan marginal suku ke suku pada ST1 2020. Dari segi permintaan buruh mengikut sektor ekonomi, walaupun terdapat peningkatan kecil dalam bilangan kekosongan jawatan, bilangan jawatan berkang disebabkan oleh penurunan jawatan yang diisi.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)